


IQRA'

Bil. 1/2023
JANUARI



Kunjungan Hormat PTAR ke atas Penolong Naib Canselor (Keusahawanan)
PTAR Shah Alam - muka 4



Program Mobile Library (Sesi 1), Kolej Pengajian Kejuruteraan
PKEJ - muka 7



Hari Terbuka PTAR UiTM Cawangan Melaka
PTAR Kampus Alor Gajah - muka 11



Program SharingRizq@Library UiTM Cawangan Terengganu
PTA Kampus Dungun - muka 18



Bengkel "Refresh Your Skills@PTA"
PTAR Kampus Machang - muka 26

PROMOSI@PTAR



PROGRAM JOM PINJAM@PST 12 JANUARI 2023

Disediakan oleh: Nor Hafizah Md Hanafiah

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
SAINS & TEKNOLOGI, SHAH ALAM



Program Jom Pinjam@PST telah dijalankan pada 12 Januari 2023 (Rabu) iaitu bertempat di sekitar Ruang Legar PTAR Sains & Teknologi (PST) jam 2.30 petang hingga 4.30 petang. Program ini telah berlangsung selama 2 jam dan dihadiri lebih 60 orang pelajar dan staf. Di atas sambutan yang amat menggalakkan, program ini masih diteruskan pada tahun ini di samping inisiatif perpustakaan dalam meningkatkan pinjaman buku dan mewujudkan budaya membaca di kalangan warga UiTM.

Untuk sesi 1 tahun 2023, sebanyak 21 judul buku telah berjaya dipinjam oleh pengguna perpustakaan. Sedikit sumbangan hadiah diberikan kepada para peminjam sebagai tanda penghargaan kepada mereka. Diharapkan program ini bukan sahaja menyumbang ke arah galakan budaya membaca dan cintakan ilmu, malah dapat mengeratkan hubungan mesra di antara staf dan pengguna perpustakaan.

